



TALKING POINTS

YB NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN DI ANTARA
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP) BERSAMA PROJEK
LINTASAN KOTA HOLDINGS SDN BHD (PROLINTAS) DAN
BESRAYA (M) SDN BHD SELAKU SYARIKAT KONSESI
LEBUHRAYA BERTOL**

Tarikh : 13 April 2023 (Khamis)

Masa : 6.15 petang

**Tempat : The Ruma Hotel & Residences
Kuala Lumpur**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

Terima kasih, saudara/saudari pengacara majlis.

YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi

Menteri Kerja Raya (KKR)

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya (KKR)

YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain

Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg. Dato' Mohammad Azlan Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan PROLINTAS

YBrs. Encik Lee Chun Fai

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

IJM Corporation Berhad

YBrs. Puan Wan Salwani Wan Yusoff

Ketua Pegawai Eksekutif

BESRAYA (M) Sdn Bhd

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) serta Kementerian Kerja Raya (KKR) yang bertungkus-lumus dan bersama-sama berganding bahu di dalam merealisasikan majlis menandatangani Perjanjian Pajakan pada hari ini.
2. Sepertimana yang anda sedia maklum, pengoperasian lebuhraya di Malaysia ini dilaksanakan di atas tapak-tapak yang didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Sama ada ia berbentuk hakmilik atau rizab, adalah bertujuan untuk memudahkan cara capaian penggunaan jalan raya di Malaysia.
3. Pelaksanaan ini juga didapati dapat mengoptimumkan penggunaan serta pembangunan di atas tanah-tanah Persekutuan bagi menjana pembentukan ekonomi yang lebih berdaya saing.
4. Sehingga pada hari ini, terdapat sebanyak 36 lebuhraya bertol yang sedang beroperasi meliputi segenap kawasan bagi menghubungkan wilayah utara, selatan, timur dan barat di Semenanjung Malaysia.
5. Perjanjian Pajakan yang akan dimeterai pada hari ini melibatkan sebanyak 13 tapak-tapak Komersil dan Bukan Komersil di kawasan lebuhraya bertol di bawah seliaan BESRAYA serta PROLINTAS yang merangkumi Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya GCE, Lebuhraya LKSA, Lebuhraya SILK dan Lebuhraya AKLEH.

6. Pelaksanaan Perjanjian Pajakan ini adalah selaras dengan Seksyen 221, Kanun Tanah Negara 1965 [AKTA 828] (KTN 1965). Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) selaku pemilik tanah yang berdaftar boleh memajakkan tanah PTP bagi tempoh maksimum 99 tahun jika ianya berkaitan dengan seluruh tanahnya dan tiga puluh (30) tahun jika ianya berkaitan dengan sebahagian tanahnya.
7. Namun demikian, tempoh pajakan yang telah dimuktamadkan bersama pihak syarikat konsesi lebuhraya bertol adalah selaras dengan persetujuan yang telah dimeterai di dalam Perjanjian Konsesi selama mana tempoh ia berkuatkuasa.
8. Pengiktirafan pajakan secara perundangan ini juga dilihat dapat membolehkan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya bertol di bawah seliaan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapat kepentingan ekslusif di dalam mengawal selia, mengoptimumkan pembangunan komersil serta menguruskan aturan-aturan semasa berkaitan dengan tanah atau fasiliti yang didirikan di atasnya dengan lebih teratur, cekap dan menepati kehendak undang-undang.
9. Mekanisme perjanjian pajakan ini juga dilihat dapat memangkin pertumbuhan pesat terutamanya di kawasan sekitar lebuhraya bertol secara komersil.
10. Perkembangan secara pesat ini juga dijangka dapat merencana serta mengorak langkah lebih proaktif agar terimaan hasil dapat diperkembangkan seterusnya memperkasakan imej Kerajaan Persekutuan di dalam memastikan sistem perhubungan jalan raya lebih sistematik dan berkesan.

11. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan sekali lagi kepada KKR dan JKPTG dalam menjayakan majlis pada hari ini. Adalah diharapkan agar lebih banyak lagi kerjasama antara kementerian yang akan dilaksanakan demi memastikan kesejahteraan rakyat bersama.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.